

Dr. Mahathir percaya Ku Li tidak dapat sokongan

PUTRAJAYA 12 Julai - Bekas Presiden UMNO, Tun Dr. Mahathir Mohamad percaya Tengku Razaleigh Hamzah tidak akan mendapat sokongan untuk bertanding jawatan Presiden UMNO pada pemilihan parti September ini.

Malah, bekas Perdana Menteri itu melihat hasrat Ahli Parlimen Gua Musang tersebut untuk bertanding jawatan tertinggi parti tidak mampu memberi sebarang kesan terhadap kedudukan Pemangku Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Saya tidak fikir dia akan mendapat pencalonan... barangkali dari bahagiannya sendiri," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas majlis sambutan hari jadi beliau dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali yang ke-79, yang diraikan serentak

oleh Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini hari ini.

Dr. Siti Hasmah menyambut ulang tahunnya hari ini manakala Dr. Mahathir pula pada 10 Julai lalu.

Sehingga semalam, Abdullah telah mendapat 61 pencalonan manakala Tengku Razaleigh yang menawarkan diri bertanding jawatan Presiden pada Jumaat lalu, tidak mendapat sebarang pencalonan.

Calon bagi jawatan Presiden memerlukan sekurang-kurangnya 58 pencalonan untuk melepasi kelayakan bertanding jawatan tertinggi itu pada pemilihan September ini.

Ditanya kenapa Tengku Razaleigh masih hendak menawarkan diri walaupun jelas beliau tidak mungkin mendapat sokongan ahli untuk jawatan Presiden UMNO, Dr. Mahathir menjawab: "Itu kerana dia mempunyai pandangan sendiri."

Bagaimanapun dalam hal ini, beliau menekankan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti sepatutnya tidak payah dicabar oleh sesiapa pun.

"Saya bukan bercakap tentang Tengku Razaleigh sahaja. Kalau hendak cabar, cabar jawatan naib presiden kerana (memang menjadi) tradisi UMNO (mempertandingkan jawatan itu)," katanya.

Mengulas pendapat penganalisis politik bahawa tindakan Tengku Razaleigh itu merupakan satu cara untuk beliau berundur dari politik, bekas Perdana Menteri berkata: "Saya tak tahulah yang itu, apa yang dia fikir. Saya tidak tahu membaca fikiran beliau."

Walaupun Tengku Razaleigh mengatakan keputusannya untuk bertanding jawatan Presiden kerana

hendak menjunjung demokrasi, Dr. Mahathir mengingatkan bahawa demokrasi adalah untuk manusia dan bukannya manusia yang perlu berkorban untuk demokrasi.

Dalam pada itu, mengulas pertandingan dalam sayap baru parti iaitu Puteri UMNO, beliau berpendapat ia perlu dilakukan untuk memilih pemimpin baru pergerakan itu.

"Mereka boleh melakukannya secara konsensus atau pertandingan. Mereka memilih untuk bertanding dan itu hak mereka," katanya.

Dr. Mahathir berkata, walaupun kini telah bersara daripada politik, tetapi beliau masih mengikuti perkembangan UMNO dan sentiasa memikirkan tentang parti malah sedia memberi sokongan terhadap apa sahaja langkah yang baik untuknya.



DR. MAHATHIR Mohamad dan Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali memotong kek sempena hari jadi mereka yang ke-79 sambil diperhatikan oleh Abdullah Ahmad Badawi (kanan sekali) dan Ong Ka Ting (dua dari kiri) di Kuala Lumpur, malam tadi. — Gambar oleh RAJA JAAFAR ALI